



جائزہ مفتی نوری قلم

Soalan:

Saya ingin bertanya juga mengenai fatwa Wahabi, adakah apabila warta menyatakan ajaran Wahabi berlainan dengan Ashairah membawa maksud ia sesat?

Jawapan:

Ajaran Wahabi menurut keputusan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang pada 19 Februari 2014 Kali Ke 1/2014 adalah **melarang** mana-mana orang Islam menyebarkan dan menyimpan bahan bacaan Ajaran As-Salafiah @ Al- Wahabiyah dan seumpamanya. Ia berasaskan beberapa perkara :

1. Ajaran As Salafiah @ Wahabiyah adalah ajaran yang **berlainan** dengan apa yang dipegang oleh umat Islam di Malaysia yang berlandaskan mazhab Asyirah dan Maturidiah di dalam akidah dan mazhab Syafie di dalam bab Fekah.
2. Ajaran As Salafiah @ Wahabiyah kebiasaannya **menganggap apa yang diamalkan oleh umat Islam di Malaysia sejak sekian lama adalah sebagai bidaah**. Sedangkan amalan-amalan seperti tahlil, bacaan Yasin malam Jumaat, bacaan Qunut dan sebagainya itu hanyalah khilafiyah di kalangan ulama Islam.
3. Adalah terbukti di sesetengah tempat kewujudan ajaran As-Salafiah @ Wahabiyah ini **membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam** di Malaysia. Oleh itu, ajaran ini adalah di larang diajar dan diamalkan di Negeri Pahang khususnya.

Namun begitu ajaran ini boleh juga membawa kepada kesesatan, sekiranya mereka ekstrim. Ini berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang yang telah bersidang pada 26 November 2024, sebahagiannya adalah seperti berikut :

*“ Aliran dan dakyah Salafiah Wahhabiah didapati **sesat dan bercanggah dengan pegangan dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah** yang menjadi teras pegangan umat Islam di Negeri Pahang dan menyebabkan implikasi yang negatif terhadap umat Islam.*

*Percanggahan tersebut kerana **sikap ekstrim mereka pada isu-isu akidah, fiqh, tasawuf dan manhaj** seperti berikut:*

- i. Kefahaman konsep bidaah yang sempit dan berbeza dengan majoriti ulama' sehingga mudah membidaahkan dan menyesatkan umat Islam yang tidak sealiran dengan mereka;*
- ii. Membidaahkan amalan-amalan sunat dan khilafiyah khususnya yang telah menjadi amalan umat Islam tempatan seperti amalan tahlil, amalan talqin selepas pengebumian, bacaan Yasin malam Jumaat, bacaan Qunut Subuh, hadiah pahala buat si mati, pembacaan Al-Quran di sisi kubur, zikir berjemaah, sambutan Maulid Nabi, qiyam malam Nisfu Sya'ban, doa akhir dan awal tahun, tambahan lafaz Saidina, dan sebagainya;*
- iii. Membawa pendekatan Tauhid yang berbilang-bilang atau Tauhid Tiga Serangkai atau Tri-Tauhid yang tidak pernah dikenali oleh ulama' Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada kalangan generasi Salaf mahupun generasi Khalaf;*
- iv. Boleh membawa sikap mengkafirkan (takfiri) umat Islam berdasarkan pendekatan Tauhid Tiga Serangkai atau Tri-Tauhid mereka yang cenderung kepada dakwaan kufur dan syirik terhadap umat Islam yang*

*melakukan Takwil, Tawassul, Tabarruk (mengambil berkat), Istighathah, dan ziarah kubur;*

- v. Mendakwa bahawa ulama' dan umat Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah Al-Asha'irah dan Al-Maturidiyah tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah khususnya berkaitan dengan keimanan kepada zat dan sifat Allah SWT;*
- vi. Membuat tuduhan sesat ke atas ramai tokoh ulama' Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Imam Al-Ghazali, Imam Al-Nawawi, Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani, Imam Al-Sanusi, Imam Zakariyya Al-Ansari, Imam Shihabuddin al-Ramli, Imam Ibnu Hajar al-Haytami al-Makki, dan lain-lain.*
- vii. Berpegang dengan makna zahir ayat dan hadis mutashabihat yang boleh membawa kepada fahaman Tashbih dan Tajsim berkenaan zat dan sifat Allah SWT;"*
- viii. Boleh membawa kepada ideologi mengkafirkan umat Islam (Takfiri) yang menjadi teras bagi gerakan-gerakan Salafi Jihadi seperti ISIS (DAESH), JI (Jemaah Islamiah) dan lain-lain yang terlibat dengan aktiviti terorisme dan keganasan. Hakikat ini telah dinyatakan oleh pihak berkuasa dan penyelidikan-penyelidikan di pelbagai negara.*

Oleh itu, jabatan ini berpandangan, ajaran **Wahabi ini membawa kepada kesesatan, sekiranya mereka bersikap ekstrim** seperti yang dinyatakan didalam keputusan fatwa diatas.

## Rujukan

1. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang, *“Tegahan Dan Larangan Menyebarkan Ajaran Salafiah @ Wahabiah Dan Seumpamanya Di Negeri Pahang”* pada 19 Februari 2014 Kali Ke 1/2014. Sila rujuk fatwa berkenaan pautan <https://mufti.pahang.gov.my/fatwa/2014/tegahan-dan-larangan-menyebarkan-ajaran-salafiah-wahabiah-dan-seumpamanya-di-negeri-pahang>
2. Keputusan Fatwa Mesyuarat Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang, *“Larangan Ajaran Dan Dakyah Gerakan Salafiyah Wahhabiyyah Negeri Pahang”* yang bersidang pada 26 November 2024.